



# APLIKASI SMART MESRA IBADAH

HOSPITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH



## Objektif

- Mewujudkan satu sistem aplikasi secara *online* menggunakan teknologi *mobile Apps* yang membantu pesakit mendapatkan penerangan berkaitan ibadah dan perkhidmatan yang disediakan oleh Unit Hal Ehwal Agama, HSNZ secara efisien.
- Membolehkan pesakit mendapatkan perkhidmatan yang disediakan oleh Unit Hal Ehwal Islam dengan cepat dan efisien.
- Membolehkan pesakit mendapatkan penerangan berkaitan ibadah menggunakan Smart Phone tanpa melibatkan bayaran dan pendaftaran serta tidak memerlukan bantuan daripada pegawai agama bertugas.
- Menjadikan sistem aplikasi ini sebagai rujukan untuk amalan ibadah di mana-mana sahaja tanpa batasan masa, tempat dan persekitaran selagi adanya talian perkhidmatan rangkaian data

## Fungsi

- Fungsi utama sistem ini adalah untuk membantu pesakit mendapatkan penerangan berkaitan ibadah dan perkhidmatan yang disediakan oleh Unit Hal Ehwal Agama, HSNZ secara efisien.



## **Pengguna Sistem :**

- Orang awam

## **Platform :**

- Development Tools : Ionic Framework, PHP
- Pangkalan data : MySQL v5.5.60

## **URL Sistem :**

- <https://play.google.com/store/apps/details?id=my.gov.hsnzkt.myGlobalSolah.appmobile&hl=en>
- <https://itunes.apple.com/us/app/aplikasi-smart-mesra-ibadah/id1403257146?ls=1&mt=8>

## **Pegawai Yang Dirujuk**

- Nama Pegawai : En Zamri Bin Mamat
- Jawatan : Pegawai Teknologi Maklumat F48
- Emel : mzamri@moh.gov.my
- No Telefon : 09-6212121



# SNAPSHOT SISTEM (PAPARAN HADAPAN)

HOSPITAL MESRA IBADAH

PENDAHULUAN KONSEP HMI

**PENDAHULUAN**

Tidak ramai yang tahu malah malu untuk bertanya tentang permasalahan fiqh di dalam perawatan pesakit di institusi perubatan. Ramai juga di kalangan orang muslim masih menganggap jika seseorang itu ditimpa kesakitan, maka masa itu untuk 'cuti' beribadah. Kesakitan dijadikan alasan sebagai halangan di dalam membuat kerja-kerja bersangkutan dengan ibadah. Begitu juga dengan perkara-perkara yang memerlukan pandangan Islam di dalam isu berkaitan dengan bioteknologi perubatan seperti contoh euthanasia, menderma atau menerima organ dan sumber ubat yang dihasilkan daripada porcine(babi). "Maka bertakwalah kepada Allah dengan kadar kemampuan kamu" (al-Taghabun:16)

**MISI**

Menjadikan esok lebih baik dari hari ini.

**VISI**

Berusaha mengintegrasikan rawatan fizikal, psikologi, mental dan rohani.

HOSPITAL MESRA IBADAH

PENDAHULUAN KONSEP HMI

**Hospital Mesra Ibadah (HMI)**


Satu konsep telah diperkenalkan iaitu Hospital Mesra Ibadah. Antara elemen-elemen penting yang perlu ada pada HMI :

1. Pengamal Perubatan
2. Latihan-latihan
3. Persekitaran
4. Perkakasan untuk membantu pesakit
5. Hak Pesakit dan Persendirian (suli)
6. Keperluan yang istimewa

WUDHU' UNTUK PESAKIT

Panduan Wudhu' Untuk Pesakit:

1. Basuh Muka




Basuh muka beserta niat wudhu' dengan semua bahagian muka diratai air. Balutan di muka yang sukar dibuat atau memudharatkan jika dibuka memadai hanya disapu air di atasnya.

WUDHU' UNTUK PESAKIT

Panduan Wudhu' Untuk Pesakit:

2. Basuh Kedua belah tangan




Basuh kedua belah tangan hingga meliputi dua siku. Balutan di tangan yang sukar dibuka atau memudharatkan jika dibuka memadai hanya disapu air di atasnya.

WUDHU' UNTUK PESAKIT

Panduan Wudhu' Untuk Pesakit:

3. Sapu air di kepala



Sapu air di kepala. Balutan di keseluruhan kepala yang sukar dibuka atau memudharatkan jika dibuka memadai hanya disapu air di atasnya.



# SNAPSHOT SISTEM (PAPARAN HADAPAN)

### WAKTU SOLAT

Kuala Terengganu, Marang

00:44:19

AZAN BERIKUTNYA: MAGHRIB (19:20 MLM)

5:21 PAGI	Imsak
5:31 PAGI	Subuh
6:54 PAGI	Syuruk
13:09 PTG	Zohor
16:35 PTG	Asar
19:20 MLM	Maghrib
20:36 MLM	Isyak

Waktu Solat ini adalah daripada Laman Web JAKIM Malaysia.

### ARAH QIBLA

Qibla Bearing

291 °

Kaabah Distance: 7024 KM



### PERKHIDMATAN

#### PERKHIDMATAN YANG DITAWARKAN

Pihak HSNZ menyediakan Perkhidmatan kepada pesakit. Perkhidmatan ini diselia oleh Pegawai Hal Ehwal Agama HSNZ. Perkhidmatan yang ditawarkan adalah:

1. Bimbingan Wuduk / Tayammum
2. Bimbingan Solat
3. Pesakit Tenat / Nazak
4. Azan Bayi Baru Lahir
5. Khidmat Nasihat / Kaunseling Syarie
6. Soalan tentang Ibadah ketika sakit

Sekiranya tuan/puan perlukan perkhidmatan di atas, tuan/puan boleh mengisi borang permohonan. Perkhidmatan ini adalah **PERCUMA**

**PERHATIAN:** Borang Permohonan ini memerlukan talian internet.

[BORANG PERMOHONAN](#)

### PANDUAN SOLAT PESAKIT

- Pesakit Yang Mampu Solat Berdiri Dan Mampu Ruku' Tetapi Tidak Mampu Sujud Seperti Biasa. >
- Pesakit Yang Mampu Solat Berdiri Tetapi Tidak Mampu Ruku' Dan Sujud Seperti Biasa. >
- Pesakit Yang Tidak Mampu Solat Berdiri Dan Mampu Solat Duduk (Duduk Iftirasy). >
- Pesakit Yang Tidak Mampu Solat Berdiri Dan Mampu Solat Duduk (Di Atas Kerusi). >
- Pesakit Yang Tidak Mampu Solat Berdiri Dan Mampu Solat Duduk (Di Birai Katil). >
- Pesakit Yang Tidak Mampu Solat Berdiri Dan Mampu Solat Duduk (Di Atas Katil). >
- Pesakit Yang Mampu Solat Mengiring. >
- Pesakit Yang Mampu Solat Terlentang (Menggunakan Isyarat Mata). >

### PANDUAN SOLAT PESAKIT

← Back

Pesakit Yang Mampu Solat Berdiri Dan Mampu Ruku' Tetapi Tidak Mampu Sujud Seperti Biasa:



1. Niat & Takbiratul Ihram  
Membaca Al-Fatihah.

